

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 1/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
<p>Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan</p> <p>Peperiksaan bermaksud ujian yang wajib diduduki oleh seseorang pegawai yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan tertentu seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelantikan; ii. Pengesahan dalam perkhidmatan; iii. Pergerakan gred yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan; dan iv. Kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL). <p>Pegawai yang menghadiri peperiksaan dibenarkan menuntut elaun-elaun sebagaimana bertugas rasmi.</p> <p>Takrifan</p> <p>Skim Yang Sama</p> <p>Contohnya Pembantu Akauntan kepada KPSL Penolong Akauntan.</p> <p>Skim Yang Berbeza</p> <p>Pembantu Tadbir (Kew) / Pembantu Tadbir (P/O) kepada KPSL Penolong Akauntan.</p> <p>1. Tuntutan Elaun Perjalanan</p> <p>Pastikan Tuntutan Elaun Perjalanan diterima selewat-lewatnya 10 haribulan dalam bulan berikutnya dan dokumen sokongan disertakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1.1 Borang Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri; 1.2 Salinan Slip menduduki peperiksaan / Jadual Peperiksaan yang disahkan. Contoh Slip menduduki peperiksaan seperti di Lampiran B 1.3 Resit-resit berkaitan – satu perakuan hendaklah dibuat iaitu “<i>Disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi Kerajaan</i>”; dan 	<p>JPA – Istilah Perkhidmatan Awam</p> <p>Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1990</p>	<p>AP100(a) PP WP 1.4</p> <p>Lampiran A</p> <p>Lampiran B</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 2/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>1.4. Kelulusan bagi perjalanan melebihi 240km/Penyata Bank bagi Individu bukan pegawai daripada Jabatan tersebut/dokumen sokongan lain (jika berkaitan); dan</p> <p>1.5 Kelulusan bagi perjalanan melebihi 240km/Penyata Bank bagi Individu bukan pegawai daripada Jabatan tersebut/dokumen sokongan lain (jika berkaitan)</p> <p>2. Sijil AP58(a)</p> <p>Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut :</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima; dan</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi.</p> <p>Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan (jika berkaitan).</p> <p>3. Maklumat pegawai</p> <p>Pastikan butir-butir maklumat pegawai adalah lengkap seperti berikut:</p> <p>3.1 Nama dan no. kad pengenalan hendaklah dicatatkan.</p>	AP58(a) Perenggan 2.1, PP WP1.4

--	--	--

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 3/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>3.2 <u>Takrifan</u></p> <p><u>Gred</u></p> <p>Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2002 dan pindaannya. Pegawai yang membuat pilihan untuk tidak menerima Sistem Saraan Malaysia (SSM) boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran di bawah pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing di bawah Sistem Saraan Baru (SSB)/ Kumpulan gaji masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan.</p> <p><u>Pegawai</u></p> <p>Seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara tetap dan sementara.</p> <p><u>Tetap</u></p> <p>Seseorang yang dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan atau pihak yang diwakilkan kuasa olehnya.</p> <p><u>Sementara</u></p> <p>Seseorang yang dilantik secara sementara oleh Suruhanjaya Perkhidmatan atau pihak yang diwakilkan kuasa olehnya.</p>	Perenggan 2.3, PP WP1.4 dan Perenggan 2.2, PP WP1.5 Perenggan 2, Pekeliling Perkhidmatan Bil 8 Tahun 2000 Perenggan 2, Pekeliling Perkhidmatan Bil 8 Tahun 2000 Perenggan 2, Pekeliling Perkhidmatan Bil 8 Tahun 2000

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
--	--

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 4/13
--	-------------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak		Rujukan												
Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>3.3 Kenderaan-jenis/model dan no. Pendaftaran</p> <p>Tuntutan perjalanan menggunakan kenderaan sendiri adalah mengikut kadar per kilometer mengikut jarak:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <tr> <th colspan="2">Kadar Mengikut Jenis Kenderaan (sen/km)</th> </tr> <tr> <th>Kereta</th> <th>Motorsikal</th> </tr> <tr> <td>B</td> <td></td> </tr> <tr> <td>85</td> <td>55</td> </tr> <tr> <td>C</td> <td></td> </tr> <tr> <td>75</td> <td>45</td> </tr> </table> <p>3.4 Alamat Pejabat & Alamat Rumah</p> <p><u>Ibu Pejabat</u></p> <p>Tempat biasa seorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya:</p> <ul style="list-style-type: none"> 3.4.1 25km jika boleh dihubungi oleh jalan raya; 3.4.2 16km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor; dan 3.4.3 8km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal dan sungai. <p>4. Kenyataan Tuntutan</p> <p>Pastikan kenyataan tuntutan pegawai adalah lengkap – catatkan dengan jelas tarikh, waktu bertolak dan sampai, tujuan/ tempat dan jarak (km) perjalanan.</p>		Kadar Mengikut Jenis Kenderaan (sen/km)		Kereta	Motorsikal	B		85	55	C		75	45	PP WP 1.4 Perenggan 5.7.1
Kadar Mengikut Jenis Kenderaan (sen/km)															
Kereta	Motorsikal														
B															
85	55														
C															
75	45														

--	--	--

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 5/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>4.1 Semak sama ada salinan slip untuk menduduki peperiksaan ada disertakan.</p> <p>4.2 Pegawai yang Layak Menuntut Peperiksaan bermaksud ujian yang wajib diduduki oleh seseorang pegawai yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan tertentu seperti pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pergerakan gred yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan dan kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL). Pegawai yang menghadiri peperiksaan dibenarkan menuntut elaun-elaun sebagaimana bertugas rasmi.</p> <p>5. Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan</p> <p>Semak sama ada pegawai menuntut tambang pengangkutan awam atau menggunakan kenderaan sendiri.</p> <p><u>Takrif Elaun Perjalanan Kenderaan</u></p> <p>Seseorang pegawai yang menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabatnya adalah layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan.</p> <p>6. Tuntutan Tambang Pengangkutan Awam</p> <p>Seseorang pegawai yang tidak menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau luar Ibu Pejabatnya, adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam seperti berikut:</p>	PP WP 1.4

--	--	--

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 6/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan						
Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>6.1 Teksi/ kereta sewa/ bas/ motobot/ e-Hailing / jenis pengangkutan lain dalam kategori ini. Mengikut tambang lazim dan disokong dengan resit sekiranya resit dikeluarkan. Sekiranya tiada, buat perakuan bahawa perbelanjaan telah dilakukan dan dibayar oleh pegawai.</p> <p>6.2 Kereta api/ kapal laut/ jenis pengangkutan lain dalam kategori ini.</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Gred</th><th style="text-align: center;">Kelas</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">27 dan ke atas</td><td style="text-align: center;">Satu</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">26 dan ke bawah</td><td style="text-align: center;">Dua</td></tr> </tbody> </table> <p>7. Tuntutan elaun makan / elaun harian</p> <p>Semak kenyataan tuntutan, tarikh, waktu bertolak dan pulang daripada menghadiri peperiksaan.</p> <p>7.1 Elaun Makan</p> <p style="text-align: center;"><u>Takrif Elaun Makan</u></p> <p>Layak dituntut oleh seorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya bagi tempoh 24 jam atau lebih bermula dari waktu bertolak.</p>	Gred	Kelas	27 dan ke atas	Satu	26 dan ke bawah	Dua	Surat MOF.DS.600- 31/2/3(30) bertarikh 17.08.2018
Gred	Kelas							
27 dan ke atas	Satu							
26 dan ke bawah	Dua							

--	--	--

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 7/13
--	--	-------------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>Kadar Elaun Makan adalah seperti berikut:</p> <p>7.1.1 Kakitangan Awam Biasa</p>	

Gred	Sem. Malaysia (RM)	Sabah, Labuan, Sarawak (RM)
Utama/Khas 'A' dan ke atas	115.00	165.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	100.00	130.00
53 dan 54	85.00	115.00
45 hingga 52	60.00	80.00
41 hingga 44	45.00	65.00
17 hingga 40	40.00	55.00
16 dan ke bawah	35.00	50.00

7.1.2 Polis

Gred	Sem. Malaysia (RM)	Sabah, Labuan, Sarawak (RM)
Ketua Polis dan Timbalan Ketua Polis Negara	115.00	165.00
Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis	100.00	130.00
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	85.00	115.00

PP WP 1.5

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 8/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>8. Tuntutan bayaran sewa hotel/ elaun lojing</p> <p>Pastikan resit hotel asal ada disertakan bersama borang tuntutan.</p>	PP WP 1.4

8.1 Takrif Bayaran Sewa Hotel

Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya dan perlu menginap layak menuntut Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit tertakluk kepada had maksimumnya.

Kadar kelayakan Bayaran Sewa Hotel (maksimum) adalah seperti berikut:

8.1.1 Kakitangan Awam Biasa

Gred	Sem. Malaysia (RM)	Sabah, Labuan, Sarawak (RM)
Utama/ Khas 'A' dan ke atas	Sebenar (Standard Suite)	Sebenar (Standard Suite)
Utama/Khas 'B' dan 'C'	Sebenar (Bilik Superior)	Sebenar (Bilik Superior)
53 dan 54	Sebenar (Bilik Biasa)	Sebenar (Bilik Biasa)
45 hingga 52	240.00	270.00
41 hingga 44	220.00	250.00
27 hingga 40	200.00	230.00
17 hingga 26	180.00	210.00
16 dan ke bawah	160.00	190.00

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 9/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	8.1.2 Polis	PP WP 1.5

	(RM)	Sarawak (RM)
Ketua Polis dan Timbalan Ketua Polis Negara	Sebenar (Standard Suite)	Sebenar (Standard Suite)
Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis	Sebenar (Bilik Superior)	Sebenar (Bilik Superior)
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	Sebenar (Bilik Biasa)	Sebenar (Bilik Biasa)
Timbalan Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis	240.00	270.00
Inspektor Polis hingga Penolong Penguasa Polis	220.00	250.00
Sarjan Hingga Sub Inspektor	200.00	230.00
Konstabel hingga Koperal	180.00	210.00
Sarjan hingga sub Inspektor/ Orang Asli	180.00	210.00
Konstabel hingga Koperal Sokongan/ Orang Asli	160.00	190.00

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 10/13
--	--	--------------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Menghadiri	8.2 Elaun Lojing	PP WP 1.4

Peperiksaan	<p>Semak sama ada pegawai menginap di hotel atau tidak.</p> <p>8.2.1 Pegawai layak menuntut elaun lojing jika pegawai tidak menuntut elaun hotel;</p> <p>8.2.2 Resit tidak perlu dikemukakan bagi tuntutan Elaun Lojing; dan</p> <p>8.2.3 Alamat Lojing perlu dicatatkan dalam borang tuntutan.</p> <p><u>Takrif Lojing</u></p> <p>Tempat menginap pegawai selain hotel atau rumah rehat. Elaun ini dibayar sekiranya pegawai menginap di rumah kawan/saudara-mara dan lain-lain tempat.</p> <p>8.2.1 Kakitangan Awam Biasa</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc; width: 30%;">Gred</th><th style="background-color: #cccccc; width: 30%;">Sem. Malaysia (RM)</th><th style="background-color: #cccccc; width: 30%;">Sabah, Sarawak dan Labuan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Utama/Khas 'A' dan ke atas</td><td>80.00</td><td>85.00</td></tr> <tr> <td>Utama/Khas 'B' dan 'C'</td><td>75.00</td><td>80.00</td></tr> <tr> <td>53 dan 54</td><td>70.00</td><td>75.00</td></tr> <tr> <td>45 hingga 52</td><td>60.00</td><td>70.00</td></tr> <tr> <td>41 hingga 44</td><td>55.00</td><td>65.00</td></tr> <tr> <td>27 hingga 40</td><td>45.00</td><td>50.00</td></tr> <tr> <td>17 hingga 26</td><td>40.00</td><td>45.00</td></tr> <tr> <td>16 dan ke bawah</td><td>35.00</td><td>40.00</td></tr> </tbody> </table>	Gred	Sem. Malaysia (RM)	Sabah, Sarawak dan Labuan (RM)	Utama/Khas 'A' dan ke atas	80.00	85.00	Utama/Khas 'B' dan 'C'	75.00	80.00	53 dan 54	70.00	75.00	45 hingga 52	60.00	70.00	41 hingga 44	55.00	65.00	27 hingga 40	45.00	50.00	17 hingga 26	40.00	45.00	16 dan ke bawah	35.00	40.00	
Gred	Sem. Malaysia (RM)	Sabah, Sarawak dan Labuan (RM)																											
Utama/Khas 'A' dan ke atas	80.00	85.00																											
Utama/Khas 'B' dan 'C'	75.00	80.00																											
53 dan 54	70.00	75.00																											
45 hingga 52	60.00	70.00																											
41 hingga 44	55.00	65.00																											
27 hingga 40	45.00	50.00																											
17 hingga 26	40.00	45.00																											
16 dan ke bawah	35.00	40.00																											

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 11/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
---------	-----------------------------	---------

Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>8.2.2 Polis</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc; text-align: center; padding: 5px;">Gred</th><th style="background-color: #cccccc; text-align: center; padding: 5px;">Sem. Malaysia (RM)</th><th style="background-color: #cccccc; text-align: center; padding: 5px;">Sabah, Sarawak dan Labuan (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Ketua Polis dan Timb. Ketua Polis Negara</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">80.00</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">85.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">75.00</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">80.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">70.00</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">75.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Timb. Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">60.00</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">70.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Inspektor Polis hingga Pen. Penguasa Polis</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">55.00</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">60.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Sarjan Hingga Sub Inspektor</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">45.00</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">50.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Konstabel hingga Koperal</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">40.00</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">45.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Sarjan hingga sub Inspektor/ Orang Asli</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">40.00</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">45.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: left; padding: 5px;">Konstabel hingga Koperal Sokongan/ Orang Asli</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">35.00</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">40.00</td></tr> </tbody> </table>	Gred	Sem. Malaysia (RM)	Sabah, Sarawak dan Labuan (RM)	Ketua Polis dan Timb. Ketua Polis Negara	80.00	85.00	Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis	75.00	80.00	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	70.00	75.00	Timb. Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis	60.00	70.00	Inspektor Polis hingga Pen. Penguasa Polis	55.00	60.00	Sarjan Hingga Sub Inspektor	45.00	50.00	Konstabel hingga Koperal	40.00	45.00	Sarjan hingga sub Inspektor/ Orang Asli	40.00	45.00	Konstabel hingga Koperal Sokongan/ Orang Asli	35.00	40.00	PP WP 1.5
Gred	Sem. Malaysia (RM)	Sabah, Sarawak dan Labuan (RM)																														
Ketua Polis dan Timb. Ketua Polis Negara	80.00	85.00																														
Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis	75.00	80.00																														
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis	70.00	75.00																														
Timb. Penguasa Polis hingga Penolong Pesuruhjaya Polis	60.00	70.00																														
Inspektor Polis hingga Pen. Penguasa Polis	55.00	60.00																														
Sarjan Hingga Sub Inspektor	45.00	50.00																														
Konstabel hingga Koperal	40.00	45.00																														
Sarjan hingga sub Inspektor/ Orang Asli	40.00	45.00																														
Konstabel hingga Koperal Sokongan/ Orang Asli	35.00	40.00																														

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN

TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020

MUKASURAT : 12/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>9. Tuntutan Pelbagai</p> <p><u>Bayaran tol dan tempat letak kereta</u></p> <p>Hanya layak dituntut jika pegawai membawa kenderaan sendiri dengan mengemukakan resit sebagai dokumen sokongan. Sekiranya menggunakan Touch N Go/eWallet/Kad Debit/Kad Kredit/lain-lain aplikasi, pastikan Salinan penyata Touch n Go/eWallet/Kad Debit/Kad Kredit/lain-lain aplikasi dikemukakan dengan “Disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi Kerajaan”.</p> <p>10. Pengakuan</p> <p>Pastikan kenyataan tuntutan di ruangan Pengakuan diisi dengan lengkap.</p> <p>10.1 Perenggan C, Lampiran A, sekiranya resit tambang pengangkutan awam tidak diperolehi / hilang / tiada; dan</p> <p>10.2 Tarikh dan tandatangan pegawai.</p> <p>11. Pengesahan</p> <p>Pastikan ruangan Pengesahan pada borang tuntutan dilengkapkan dengan tarikh, tandatangan dan cop jawatan pegawai bertanggungjawab.</p>	

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KERANA MENGHADIRI PEPERIKSAAN	
TARIKH KEMASKINI : 31 DISEMBER 2020	MUKASURAT : 13/13

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
---------	-----------------------------	---------

Tuntutan Perjalanan Menghadiri Peperiksaan	<p>12. Kod Akaun</p> <p>Semak sama ada kod akaun yang dipertanggungkan ke atas arahan pembayaran adalah menggunakan kod B0221000.</p> <p>12.1 Kakitangan Awam Biasa</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #cccccc;"> <th style="text-align: center;">Perkara</th><th style="text-align: center;">Dalam Negeri</th><th style="text-align: center;">Luar Negeri</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Elaun Makan/Harian</td><td style="text-align: center;">B0221101</td><td style="text-align: center;">B0221201</td></tr> <tr> <td>Elaun Lojing/Hotel</td><td style="text-align: center;">B0221102</td><td style="text-align: center;">B0221202</td></tr> <tr> <td>Kereta Api/ ERL/ LRT/ Komuter</td><td style="text-align: center;">B0221103</td><td style="text-align: center;">B0221203</td></tr> <tr> <td>Perjalanan Kenderaan (Kereta/ Teksi/ Bas/e-Hailing)</td><td style="text-align: center;">B0221104</td><td style="text-align: center;">B0221204</td></tr> <tr> <td>Feri/ Bot</td><td style="text-align: center;">B0221105</td><td style="text-align: center;">B0221205</td></tr> <tr> <td>Kapal Terbang/ Tambang Gantian</td><td style="text-align: center;">B0221106</td><td style="text-align: center;">B0221206</td></tr> <tr> <td>Bayaran-bayaran Lain (Seperti Tip, Tol, Bayaran Lapangan Terbang Dan Bayaran Meletak Kereta)</td><td style="text-align: center;">B0221199</td><td style="text-align: center;">B0221299</td></tr> </tbody> </table> <p>12.2 Polis</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #cccccc;"> <th style="text-align: center;">Perkara</th><th style="text-align: center;">Dalam Negeri</th><th style="text-align: center;">Luar Negeri</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Elaun Makan/ Harian</td><td style="text-align: center;">B0221301</td><td style="text-align: center;">B0221401</td></tr> <tr> <td>Elaun Lojing/ Hotel</td><td style="text-align: center;">B0221302</td><td style="text-align: center;">B0221402</td></tr> <tr> <td>Kereta Api/ ERL/ LRT/ Komuter</td><td style="text-align: center;">B0221303</td><td style="text-align: center;">B0221403</td></tr> <tr> <td>Perjalanan Kenderaan (Kereta/ Teksi/ Bas/e-Hailing)</td><td style="text-align: center;">B0221304</td><td style="text-align: center;">B0221404</td></tr> <tr> <td>Feri/ Bot</td><td style="text-align: center;">B0221305</td><td style="text-align: center;">B0221405</td></tr> <tr> <td>Kapal Terbang/ Tambang Gantian</td><td style="text-align: center;">B0221306</td><td style="text-align: center;">B0221406</td></tr> <tr> <td>Bayaran-bayaran Lain (Seperti Tip, Tol, Bayaran Lapangan Terbang Dan Bayaran Meletak Kereta)</td><td style="text-align: center;">B0221399</td><td style="text-align: center;">B0221499</td></tr> </tbody> </table>	Perkara	Dalam Negeri	Luar Negeri	Elaun Makan/Harian	B0221101	B0221201	Elaun Lojing/Hotel	B0221102	B0221202	Kereta Api/ ERL/ LRT/ Komuter	B0221103	B0221203	Perjalanan Kenderaan (Kereta/ Teksi/ Bas/e-Hailing)	B0221104	B0221204	Feri/ Bot	B0221105	B0221205	Kapal Terbang/ Tambang Gantian	B0221106	B0221206	Bayaran-bayaran Lain (Seperti Tip, Tol, Bayaran Lapangan Terbang Dan Bayaran Meletak Kereta)	B0221199	B0221299	Perkara	Dalam Negeri	Luar Negeri	Elaun Makan/ Harian	B0221301	B0221401	Elaun Lojing/ Hotel	B0221302	B0221402	Kereta Api/ ERL/ LRT/ Komuter	B0221303	B0221403	Perjalanan Kenderaan (Kereta/ Teksi/ Bas/e-Hailing)	B0221304	B0221404	Feri/ Bot	B0221305	B0221405	Kapal Terbang/ Tambang Gantian	B0221306	B0221406	Bayaran-bayaran Lain (Seperti Tip, Tol, Bayaran Lapangan Terbang Dan Bayaran Meletak Kereta)	B0221399	B0221499	PP PS 1.1 & SPANM Bil.10 Tahun 2017
Perkara	Dalam Negeri	Luar Negeri																																																
Elaun Makan/Harian	B0221101	B0221201																																																
Elaun Lojing/Hotel	B0221102	B0221202																																																
Kereta Api/ ERL/ LRT/ Komuter	B0221103	B0221203																																																
Perjalanan Kenderaan (Kereta/ Teksi/ Bas/e-Hailing)	B0221104	B0221204																																																
Feri/ Bot	B0221105	B0221205																																																
Kapal Terbang/ Tambang Gantian	B0221106	B0221206																																																
Bayaran-bayaran Lain (Seperti Tip, Tol, Bayaran Lapangan Terbang Dan Bayaran Meletak Kereta)	B0221199	B0221299																																																
Perkara	Dalam Negeri	Luar Negeri																																																
Elaun Makan/ Harian	B0221301	B0221401																																																
Elaun Lojing/ Hotel	B0221302	B0221402																																																
Kereta Api/ ERL/ LRT/ Komuter	B0221303	B0221403																																																
Perjalanan Kenderaan (Kereta/ Teksi/ Bas/e-Hailing)	B0221304	B0221404																																																
Feri/ Bot	B0221305	B0221405																																																
Kapal Terbang/ Tambang Gantian	B0221306	B0221406																																																
Bayaran-bayaran Lain (Seperti Tip, Tol, Bayaran Lapangan Terbang Dan Bayaran Meletak Kereta)	B0221399	B0221499																																																

BORANG TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM NEGERI**BAGI BULAN**

MAKLUMAT PEGAWAI	
Nama (Huruf Besar) :	
No. Kad Pengenalan :	
Jawatan :	
Gred :	
No. Akaun Bank :	
Nama / Alamat Bank :	
Pendapatan (RM)	Gaji :
	Elaun-elaun :
	Jumlah :
Kenderaan	Jenis/ Model :
	No. Pendaftaran :
Alamat Pejabat	
Alamat Rumah Pegawai	
Alamat Rumah Pemandu/ Juruiring/ Rapat/ Pengawal Peribadi*	
Alamat Rumah Majikan (Anggota Pentadbiran/Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred JUSA B dan ke atas)*	

*Diisi oleh pegawai yang layak membuat tuntutan Perjalanan di bawah PP WP1.6.

KENYATAAN TUNTUTAN				
Tarikh	Waktu		Butiran Tuntutan	Jarak (km)
	Bertolak	Sampai		
Jumlah				

Catatan:

*Butiran tuntutan: Pegawai perlu menyatakan dengan jelas butiran tuntutan seperti perincian berikut:

1. Tempat bertolak dari mana;
2. Destinasi yang dituju;
3. Tujuan perjalanan;
4. Caj/bayaran parkir sekiranya ada;
5. Caj/bayaran tol sekiranya ada;
6. Elaun makan/harian sekiranya ada;
7. Tuntutan hotel/lojing sekiranya ada; dan
8. Lain-lain tuntutan sekiranya ada.

TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN							
Kiraan Kilometer	Jarak		Kadar Sekilometer	Jumlah (RM)			
500 km pertama			RM sen/km				
501 km dan seterusnya			RM sen/km				
Jumlah							
TUNTUTAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM							
Teksi/Kereta Sewa [Resit]]	RM			
Bas [Resit]]	RM			
Kereta Api [Resit]	RM			
Feri [Resit]	RM			
Lain-Lain [Resit.....]]	RM			
Jumlah					RM		
TUNTUTAN ELAUN MAKAN/ ELAUN HARIAN (SEMPENANJUNG MALAYSIA)			TUNTUTAN ELAUN MAKAN/ ELAUN HARIAN (SABAH/ SARAWAK/ LABUAN)				
• Sarapan Pagi		RM	• Sarapan Pagi		RM		
• Makan Tengah Hari			• Makan Tengah Hari				
• Makan Malam			• Makan Malam				
• Sarapan Pagi		RM	• Sarapan Pagi		RM		
• Makan Tengah Hari			• Makan Tengah Hari				
• Makan Malam			• Makan Malam				
Jumlah	RM		Jumlah	RM			

TUNTUTAN BAYARAN SEWA HOTEL (BSH)/ ELAUN LOJING (SEmenanjung MALAYSIA)			TUNTUTAN BAYARAN SEWA HOTEL (BSH)/ ELAUN LOJING (SABAH/ SARAWAK /LABUAN)		
..... x BSH sebanyak RM/hari. (Termasuk Bayaran Perkhidmatan & Cukai Perkhidmatan) [Resit]	RM	 x BSH sebanyak RM/hari. (Termasuk Bayaran Perkhidmatan & Cukai Perkhidmatan) [Resit]	RM	
..... x BSH sebanyak RM/hari. (Termasuk Bayaran Perkhidmatan & Cukai Perkhidmatan) [Resit]	RM	 x BSH sebanyak RM/hari. (Termasuk Bayaran Perkhidmatan & Cukai Perkhidmatan) [Resit]	RM	
..... x BSH sebanyak RM/hari. (Termasuk Bayaran Perkhidmatan & Cukai Perkhidmatan) [Resit]	RM	 x BSH sebanyak RM/hari. (Termasuk Bayaran Perkhidmatan & Cukai Perkhidmatan) [Resit]	RM	
..... x Elaun Lojing sebanyak RM/hari.	RM	 x Elaun Lojing sebanyak RM/hari	RM	
Alamat Lojing:			Alamat Lojing:		
Jumlah	RM		Jumlah	RM	

PENGESAHAN	
Adalah disahkan bahawa perjalanan tersebut adalah atas urusan rasmi.	
Tarikh: (Tandatangan)
 (Nama)
 (Jawatan) b.p. Ketua Setiausaha/ Pegawai Pengawal
PENDAHULUAN DIRI (Jika Ada)	
Pendahuluan Diri diberi	RM
Tolak: Tuntutan sekarang	RM
Baki dituntut/Baki dibayar balik	RM

CATATAN:

- Permohonan tuntutan perjalanan adalah disarankan untuk dibuat melalui Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS).



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM LEMBAGA PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM

SLIP ARAHAN CALON PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM

NAMA CALON : FAVOURSTACCY BOYIE
NO. KAD : 89110712
PENGENALAN : 39013019
ANGKA GILIRAN :
PEPERIKSAAN : PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT SRED N17
KOD PEPERIKSAAN : 7104
SIRI : 2 / 2015
BAHAGIAN : BC
TARikh :
PEPERIKSAAN :

Bahagian	Tarikh	Masa
B	3/9/2015	9.30 AM - 10.30 AM
C	3/9/2015	11.00 AM - 12.00 PM

PUAT PEPERIKSAAN: MAKMAL KOMPUTER(SESI 1),ARAS 7,
BLOK 1,MENARA SERI WILAYAH,
PRESINT 2,PUTRAJAYA

- Peperiksaan akan diadakan secara online berpusat.
- Calon hendaklah hadir ke Pusat Peperiksaan 30 minit sebelum masa peperiksaan.

Sebarang masalah daripada pertanyaan sila hubungi :

Hotline : 03-6321 2500
E-mel : peperiksaan.jpa@1govuc.gov.my



MAKLUMAN

1. Sila cetak slip dan bawa bersama pada hari peperiksaan.
2. Tawaran Pusat Peperiksaan adalah muklamad.
3. Calon mesti mematuhi peraturan-peraturan semasa menghadiri peperiksaan seperti berikut :
 - i. Hadir pada hari peperiksaan,
 - ii. Diwajibkan berpakaian pejabat dan membawa dokumen pengenalan diri,
 - iii. Membawa alat tulis semasa menghadiri peperiksaan,
 - iv. Penggunaan alat telekomunikasi adalah dilarang.
 - v. Perlukan Pusat Peperiksaan tanpa kebenaran Urus setia Peperiksaan adalah dilarang.